

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 09/04/2020
Edisi / Muka Surat : Nasional / 30
Tajuk : Co-opbank Pertama tawar 3 pakej pinjaman

Co-opbank Pertama tawar 3 pakej pinjaman

Co-opbank Pertama (CBP) mengumumkan program khas dikenali sebagai Program CB-Prihatin membabitkan peruntukan melebihi RM100 juta.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Mohd Nor Abd Razak, berkata menerusi Program CB-Prihatin, sebanyak tiga pakej ditawarkan iaitu Pakej Pembiayaan CB-Prihatin PKS & Koperasi; Pakej CB-Prihatin (COVID-19) dan Pakej Majikan CB-Prihatin.

"Menerusi Pakej Pembiayaan CB-Prihatin PKS & Koperasi, kami memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan koperasi.

"Melalui Pakej CB-Prihatin (Covid-19) pula, CBP memperuntukkan dana sebanyak RM500,000 dengan sasaran untuk memberi bantuan kewangan dan keperluan peralatan perlindungan peribadi (PPE) kepada barisan hadapan serta mangsa COVID-19.

"Bermula April sehingga September 2020, RM400 akan diberikan kepada kakitangan CBP yang layak secara bulanan bagi meringankan beban kewangan kelu-

arga akibat penularan COVID-19 melalui Pakej Majikan CB-Prihatin," katanya.

Di bawah Pakej Pembiayaan CB-Prihatin PKS & Koperasi, CBP menawarkan tempoh bertenang (grace period), penangguhan bayaran prinsipal selama sembilan bulan.

"Hanya bayaran keuntungan pembiayaan diambilkira. Selain itu, kami juga menawarkan kadar keuntungan yang rendah dan yuran guaman sebanyak 50 peratus akan ditanggung oleh CBP," kata Mohd Nor.

Beliau berkata, CBP akan memberi moratorium kepada semua pelanggan korporat PKS dan koperasi yang layak bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020.

"Bagi koperasi kredit, moratorium akan diberikan sekiranya koperasi berkenaan turut memberikan moratorium kepada pelanggan mereka.

"Selain itu, bagi pelanggan baharu pembiayaan peribadi iaitu pembiayaan yang dikeluarkan selepas 1 April 2020, boleh memohon penangguhan bayaran ansuran selama tiga bulan dan tertakluk kepada kelulusan CBP," katanya.